# *INTERNATIONAL ISLAMIC ECONOMIC SYSTEM CONFERENCE (I-iECONS 2021)*

Bantuan Kebajikan vs Bantuan Zakat: Menurut Perspektif Asnaf Fakir Miskin di Brunei Darussalam

**Hjh Mas Nooraini Hj Mohiddin**
Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam
E-mail: masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn

**Nurol Huda Dr Hj Ismail**
Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam

**Nurzakiah Hj Ramle**
Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam

**Abstrak**
Islam menganjurkan kesamarataan bagi kesejahteraan masyarakat di tengah-tengah kehidupan umat dan menentang penimbunan harta kekayaan oleh kelompok tertentu. Salah satu instrumen untuk tujuan tersebut dalam pandangan ekonomi Islam ialah zakat. Majlis Agama Islam Brunei di pertanggungjawaban dan di amanahkan untuk mengendalikan urusan zakat. Di samping zakat terdapat juga bantuan kebajikan lain yang di kendalikan oleh agensi Kerajaan. Kajian ini di perlukan untuk mengenal pasti sejauh mana penerima zakat mampu membezakan antara keduanya. Metodologi kajian ini adalah secara kualitatif dan kuantitatif deskriptif dengan mengguna pakai teknik analisa dokumen dan soal selidik. Melalui analisa dokumen, data yang diperoleh dari bahan bertulis akan diteliti, di hurai di banding dan di analisa. Analisis dilakukan dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal dan artikel. Masih terdapat kekeliruan mengenai perbezaan antara bantuan kebajikan dan zakat dalam kalangan fakir miskin di Negara Brunei Darussalam. Penjelasan mengenai bentuk-bentuk bantuan ini mampu mengundang ke arah impak yang positif. Penekanan fahaman yang betul mengenainya adalah penting bagi meningkatkan kesedaran hak yang diwajibkan agar tidak berlaku penyelewengan dalam penggunaan hak yang sepatutnya dan kemungkinan sebagai pencetus motivasi untuk lebih berusaha jika menghayati maksud sebenar hak yang di per akui oleh Islam berbanding dengan bantuan kebajikan.
*Kata Kunci:* Bantuan; Fakir; Miskin; Zakat

## 1. Pendahuluan

Islam menganjurkan kesamarataan bagi kesejahteraan masyarakat di tengah-tengah kehidupan umat dan menentang penimbunan harta kekayaan oleh kelompok tertentu. Salah satu instrumen untuk tujuan tersebut dalam pandangan ekonomi Islam ialah zakat. Bersandarkan kepada firman Allah dalam Surah Al-Hasyr ayat 7 yang bermaksud:

"Apa saja harta rampasan (fa-i) yang diberikan Allah kepada Rasul Nya (dari harta benda) yang berasal dari penduduk kota-kota Maka adalah untuk Allah untuk rasul, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu".

Istilah zakat dalam bahasa Arab telah didefinisikan dalam berbagai maksud seperti berkat, subur, bersih dan lain-lain (Ibn.Manzur,1990). Zakat dari istilah ilmu fikah pula membawa maksud mengeluarkan kadar tertentu dari harta tertentu bagi faedah golongan yang berhak menerimanya sebagaimana yang ditentukan oleh Allah (al-Nawawi,1983 t.t. ;Ibn.Abidin,1966, Ibn.Qudamah,1968).

Konsep subur dalam zakat adalah bermaksud penyuburan harta dengan menambahkan keberkatannya. Keberkatan akan wujud setelah hak-hak harta ditunaikan. Sungguhpun zahirnya harta yang dizakatkan akan berkurang namun hakikatnya harta tersebut akan menyuburkan aktiviti ekonomi golongan penerimanya. Bagi pembayar zakat pula, konsep menyuburkan hartanya juga turut berlaku. Ini kerana dia akan terus berusaha mencari kekayaan untuk membolehkannya meningkatkan kadar zakat nya pada tahun berikutnya. Sementara konsep pembersihan harta zakat sebenarnya akan berlaku kepada kedua-dua pihak pemberi dan penerima. Pemberi akan melaksanakan tanggungjawabnya dengan membayar zakat manakala penerima pula akan bertanggungjawab menggunakan zakat yang diterima dengan sebaik-baiknya ke arah mengubah kehidupan yang lebih baik (Mahyuddin, 2012).

Menurut Mahmood Zuhdi (2003), konsep membersihkan harta yang terangkum dalam kewajipan zakat, boleh berlaku kerana berkemungkinan ada kesilapan secara tidak sengaja semasa mendapatkan harta seperti menceroboh hak orang lain. Selain itu konsep ini juga terhasil dengan membersihkan harta daripada penggantungan hak orang lain terhadap harta yang dikumpul khususnya hak-hak asnaf zakat yang telah ditetapkan.

Banyak kajian mengenai zakat mendapati pelbagai punca yang mendorong ke arah kegagalan institusi zakat. Majoritinya merujuk kepada pengurusan yang tidak efektif dan efisien sama ada dari aspek pengutipan dan pengagihan. Namun punca kegagalan institusi tersebut bersumberkan dari penerima adalah amat terbatas dan kurang mendapat perhatian. Terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa penerima zakat lebih selesa menjadi penerima yang berterusan tanpa ada usaha untuk merubah nasibnya. Ini kerana mereka beranggapan bantuan yang diterima itu adalah terhasil dari pendapatan negara yang sudah semestinya menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memenuhi keperluan mereka. Justeru, kajian ini di buat bagi menilai sejauh mana penerima zakat dalam kalangan fakir miskin mampu membezakan antara bantuan kebajikan dan bantuan zakat dengan tujuan meningkatkan kefahaman antara maksud hak dengan layak dengan harapan mampu mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan dan seterusnya menjadi pengeluar zakat.

## 2. Kajian Lepas

Kajian berkaitan zakat dari pelbagai aspek telah dilakukan oleh pengkaji tempatan dan luar negara. Antara kajian tersebut ialah Dato Seri Setia Awang Haji Metusin bin Haji Baki menulis buku bertajuk Panduan Mengira Zakat yang diterbitkan pada tahun 2003. Buku ini menjelaskan bagaimana cara mengira zakat harta seperti simpanan, pendapatan gaji dan perniagaan. Selain itu, buku ini juga menjelaskan definisi zakat, dalil pensyariatan, hikmah pensyariatan dan sejarah ringkas zakat di Negara Brunei Darussalam. Datin Dr Hajah Saadiah binti Datu Derma Wijaya Haji Tamit menulis buku bertajuk Pentadbiran zakat di Negara Brunei Darussalam 1955-1991. Buku ini diterbitkan tahun 2015 oleh Pusat Sejarah Brunei. Buku ini menjelaskan tafsiran zakat menurut Syariat Islam, zakat dalam undang-undang Negara Brunei Darussalam, struktur organisasi pentadbiran zakat, pentadbiran kutipan dan agihan zakat di Negara Brunei Darussalam.

Kajian Hairunizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader dalam artikel bertajuk Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas hati. Artikel ini dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia tahun 2008. Penulis artikel ini membincangkan persepsi umat Islam khususnya golongan yang layak membayar zakat terhadap pengurusan zakat di Malaysia. Faktor ketidak puas hati mereka membimbangkan kerana mampu mempengaruhi kadar penurunan pengumpulan zakat. Kajian itu juga menyentuh asnaf fakir dan miskin, cara dan bentuk pengagihan secara ringkas sahaja.

Satu kajian khusus telah di jalankan oleh Norayuni et al., (2018) ke atas penduduk miskin Bandar Kota Baharu, Kelantan, mendapati bahawa golongan penerima zakat beranggapan jumlah bantuan yang diterima adalah kurang mencukupi untuk menampung perbelanjaan mereka setiap bulan.

Walaupun terdapat banyak kajian berkenaan zakat yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar mengenai pengurusan zakat akan tetapi kajian mengenai perspektif dan sikap penerima agak terbatas. Tambahan lagi dengan tajuk yang berkaitan amat sukar untuk diperoleh dalam bentuk penulisan artikel atau buku. Justeru, kajian ini adalah perlu dalam usaha sama memperkasa institusi zakat dalam masa yang sama memberi impak yang positif kepada golongan asnaf.

## 3. Hasil Sumber Zakat

Ulama telah sepakat dalam mengenakan zakat ke atas harta yang dinyatakan secara jelas mengikut *nas qati'*.

Sumber zakat sedemikian dinamakan sebagai sumber zakat tradisional. Umumnya ia terdiri dari lima kategori harta iaitu zakat wang (nuqud), zakat tanaman, zakat ternakan, zakat galian, dan zakat perniagaan. Zakat wang (nuqud) merupakan zakat ke atas wang tunai yang dimiliki; zakat tanaman pula merupakan zakat bagi hasil bijirin seperti gandum, barli, kurma, kismis, jagung dan *sultu* (sejenis barli); bagi ternakan pula ialah *al-an'am* iaitu unta, lembu dan kambing; bagi galian pula ialah galian yang bersifat pejal dan berharga khususnya emas dan perak; dan bagi perniagaan pula merupakan apa-apa harta selain daripada emas dan perak yang disediakan untuk perniagaan. Sumber yang sepakat oleh ulama tersebut merupakan sumber tradisional yang telah dizakat sekian lama. '*Illahnya*, syarat nisab dan haul serta jenis hartanya telah disepakati tanpa banyak perbezaan di kalangan ulama' tentangnya (Sanep & Hairunnizam, 2005).

Jadual 1.1: Zakat Bagi Harta Yang Di sepakat

| Kategori Harta | Jenis Harta | *Illah* | *Haul* | Kadar/Nisab |
|---|---|---|---|---|
| ***Nuqud*** | Wang tunai | *Al-nama*************** | 1 tahun | 2.5% (20 misqal/20 dinar) |
| **Tanaman** | Gandum, barli, kurma, jagung & kismis | Mengenyangkan, tahan lama & makanan asasi | Selepas menuai | 5% atau 10% (5 awsaq) |
| **Ternakan** | Unta, lembu & kambing | *Al-Nama* | 1 tahun | Mengikut jenis binatang |
| **Galian** | Emas dan perak | Ada nilai harta | Selepas ditemui | 2.5% (20 misqal) |
| **Perniagaan** | Harta yang diperniagakan | Menggandakan & menguntungkan | 1 tahun | 2.5% (20 dinar) |

Sumber dari Sanep & Hairunnizam (2005).

Hasil kutipan zakat telah dikenal pasti sebagai sumber dana yang boleh di gunakan untuk menyelesaikan permasalahan ummah Islam, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi ummah (Hasan & Shawal, 2007).

Di Brunei Darussalam, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) ialah satu badan koperasi yang bertanggungjawab dalam membantu dan memberi nasihat kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam mengenai semua aspek yang berkaitan dengan Islam di Brunei, menurut Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77. Dalam hal yang berkaitan dengan zakat, MUIB merupakan badan utama yang bertanggungjawab dalam mengutip dan mengagihkan zakat di Brunei, sepertimana yang dinyatakan dalam seksyen 114 dalam akta tersebut.

Satu bahagian telah di wujudkan di Jabatan Majlis Agama Islam yang di namakan Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat (BAKAZ) bagi mengendalikan proses kutipan dan pengagihan zakat di Negara ini. Bagi memandu dasar dan perjalanan kutipan dan pengagihan zakat, MUIB juga telah melantik sebuah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat. Jawatankuasa inilah yang bertindak membuat keputusan muktamad bagi pemberian semua jenis bantuan serta menetapkan jumlah, kadar, jenis atau bentuk bantuan yang akan diberikan kepada fakir miskin dan asnaf-asnaf yang lain di Negara ini.

Jadual 1.2. Jumlah Kutipan dan Pengeluar Zakat Fitrah & Zakat Harta bagi tahun 2010-2019 (Dis 2019).

| Tahun | Jumlah Zakat Fitrah | Pengeluar Zakat | Jumlah Zakat Harta | Pengeluar | Jumlah % Zakat | Jumlah % pengeluar | Jumlah keseluruhan zakat fitrah & harta |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2010** | $840,471.59 | 301,476 orang | $16,528,674.41 | 2,704 orang | - | - | $17,369,146.00 |
| **2011** | $780,407.28 | 279,390 orang | $11,975,385.98 | 2,671 orang | ↓ -27.54% | ↓ -1.22% | $12,755,793.26 |
| **2012** | $888,701.33 | 317,258 orang | $13,792,766.22 | 4,041 orang | ↑15.18% | ↑51.29% | $14,681,467.55 |
| **2013** | $905,693.54 | 322,534 orang | $15,466,076.30 | 4,148 orang | 12.13% ↑ | 2.65% ↑ | $16,371,769.84 |
| **2014** | $927,297.87 | 329,475 orang | $16,923,245.71 | 4,489 orang | 9.42% | 8.22% ↑ | $17,850,543.58 |

************ sebarang kaedah yang boleh berkembang sama da dengan sendirinya atau di kembangkan dengan usaha.

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2015** | $931,638.97 | 330,976 orang | $16,830,149.77 | 5,014 orang | -0.55% ↓ | 11.70% ↑ | $17,761,788.74 |
| **2016** | $937,194.56 | 332,660 orang | $17,413,561.32 | 4,625 orang | 3.47% ↑ | -7.76% ↓ | $18,879,784.18 |
| **2017** | $940,123.80 | 350,069 orang | $17,485,505.54 | 5,047 orang | 0.41% ↑ | 9.12% ↑ | $18,457,671.20 |
| **2018** | $967,188.51 | 342,571 orang | $16,588,175.08 | 4,889 orang | -5.13% ↓ | -3.13% ↓ | $17,555,363.59 |
| **2019** | $980,254.22 | 347,208 orang | $17,312,345.60 | 5,096 orang | 4.37% ↑ | 4.23% ↑ | $18,292,599.82 |

Sumber dari Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, KHEU.

## 4. Tanggungjawab & Fungsi Kerajaan

Sebagai Kerajaan fungsinya antara lain memelihara kehidupan rakyat dalam keadaan sejahtera dan terjamin. Menjadi tanggungjawab utama kerajaan juga menyediakan kemudahan infrastruktur awam dan sosial seperti sekolah, universiti, jabatan-jabatan yang memberikan perkhidmatan, pengangkutan awam serta penggerak pembangunan negara dengan memastikan negara sentiasa terus membangun dari sudut infrastruktur dan sosioekonomi, di mana ekonomi dapat berkembang dengan baik dan rakyat dapat menikmati taraf hidup yang lebih sempurna. Justeru, satu institusi kebajikan ditubuhkan bagi memastikan kebajikan masyarakat terpelihara.

Ekonomi Negara Brunei Darussalam setakat ini adalah amat bergantung kepada sektor minyak dan gas sebagai sumber eksport dan hasil pendapatannya. Disebabkan oleh ketidaktentuan harga minyak global, fiskal negara Brunei semakin menurun. Ini kerana sebagai negara pengeluaran minyak, kedudukan harga minyak dunia akan terus mempengaruhi ekonomi negara ini. Meskipun Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah meningkat pada harga tetap sebanyak 1.0% tahun ke tahun pada suku ke-empat tahun 2018, namun ini bukanlah di sebabkan oleh peningkatan dalam sektor minyak dan gas. Akan tetapi peningkatan dalam subsektor kewangan, subsektor Perkhidmatan kerajaan dan subsektor Perdagangan Borong dan Runcit. Sedangkan sektor Minyak dan Gas menurun sebanyak 3.3% tahun ke tahun (AMBD, 2019).

Seperti negara-negara lain, terutamanya negara pengeksport minyak, Brunei juga bergantung kepada harga minyak di pasaran antarabangsa. Pada masa ini, dunia menyaksikan kejatuhan harga minyak yang menjejaskan negara-negara pengeluar. Dalam konteks ini, kerajaan Brunei sebagai majikan terbesar dan yang menyediakan infrastruktur awam tentu sekali turut terjejas. Selain daripada harga minyak, seperti juga negara-negara lain, meskipun mempunyai kekayaan dan indeks pembangunan manusia yang tinggi, Brunei menghadapi cabaran kemiskinan, walaupun kemiskinan tidaklah di tahap yang tinggi berbanding dengan negara-negara lain (Ak Haji Md Hasnol Alwee, 2016).

Di samping minyak dan gas sebagai sumber pendapatan utama negara, subsektor juga merupakan tambahan pendapatan negara yang di peroleh daripada kutipan hasil Kerajaan melalui pelbagai sumber seperti Kumpulan Wang berkanun, Dana Kemajuan (RKN), Perbelanjaan Yang diakui dan perbelanjaan perbekalan[††††††††††††].

Segala kutipan hasil kerajaan dari berbagai-bagai sumber yang disatukan seperti berikut; pendapatan kerajaan melalui perkhidmatan kerajaan seperti yuran, caj dan sewa, cukai-cukai & minyak dan gas serta pulangan pelaburan dan simpanan. Walau bagaimanapun segala pendapatan ini di peruntukkan bagi membiayai perbelanjaan seperti berikut iaitu:

Perbelanjaan Yang Diakui mengikut Perintah Perlembagaan 1959 iaitu seperti pencen, baksis dan elaun-elaun bagi lantikan jawatan mengikut Perlembagaan seperti Juruaudit Agung dan Peguam Negara.

Perbelanjaan Perbekalan (perbelanjaan tahunan) iaitu peruntukan tahunan yang dikeluarkan bagi setiap kementerian dan Jabatan untuk membiayai perbelanjaan Gaji kakitangan, lain-lain belanja tahunan yang berulang-ulang dan lain-lain perbelanjaan khas.

[††††††††††††] Taklimat Pengurusan Kewangan, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (t.th). http://www.psd.gov.bn/Shared%20Documents/Peperiksaan/Peraturan-Peraturan%20Kewangan%202017/Bengkel%20Perbelanjaan%20-%20EMAIL.pdf. Akses pada 8 March 2021.

Seperti mana titah KDYMM Sempena istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari musim Permesyuaratan ke-17 Majlis Mesyuarat Negara 2021 yang berlangsung pada 15 March 2021 yang menyatakan lebih daripada separuh pendapatan Kerajaan di salurkan untuk gaji kakitangan.

“Beta mengambil maklum bahawa hampir separuh daripada peruntukan belanjawan yang disediakan pada setiap tahun adalah untuk Gaji Kakitangan dan selebihnya, untuk perbelanjaan Berulang-Ulang”.

Dana Kemajuan yang diperuntukkan bagi membiayai perbelanjaan projek-projek di bawah Rancangan kemajuan Negara untuk pembangunan infrastruktur dan lain-lain keperluan negara[‡‡‡‡‡‡‡‡‡‡‡].

Kumpulan Wang Berkanun iaitu bagi tujuan pembelian beras dan gula, pinjaman kenderaan dan rumah serta wang gagasan (banjir, wabak SRS dan peruntukan tahunan yang tidak mencukupi yang dipohon kan dari kementerian).

Tidak seperti negara lain, negara Brunei melarang pengutipan cukai pintu. Larangan mengenakan cukai pintu telah termaktub dalam Perlembagaan Brunei dalam Bahagian VIII kewangan 56, yang menyatakan cukai atau cukai pintu tidak boleh dikutip oleh atau bagi maksud-maksud negara Brunei Darussalam kecuali menurut kuat kuasa undang-undang. Dalam peruntukan 58 menyatakan ‘semua hasil dan wang walau bagaimana sekali didapati atau diterima oleh Kerajaan dari apa jua sumber pun hendaklah tertakluk kepada Perlembagaan ini dan sebarang undang-undang bertulis, di masukkan ke dalam dan dijadikan satu Kumpulan wang yang dikenali sebagai ‘Kumpulan wang yang Disatukan’.

Pada dasarnya zakat bukanlah di anggap sebagai ‘cukai’ yang merupakan sumber pendapatan negara (Elfahdli, 2015). Namun ia berperanan besar dalam membantu Kerajaan menangani masalah kemiskinan, meringankan tanggungan dan perbelanjaan Kerajaan dalam menyediakan kemudahan bagi golongan tertentu yang tersenarai dalam kategori penerima zakat.

## 5. Bantuan Kebajikan vs Zakat

Keprihatinan kerajaan untuk merangka strategi bagi mengurangkan kadar kemiskinan sebagai persediaan ke arah pembasmian kemiskinan telah dijelmakan di dalam pembentukan program atau skim. Dua jenis strategi yang digunakan oleh kerajaan ialah: i) skim atau program yang meningkatkan produktiviti, dan ii) skim atau program yang memberi kemudahan, bantuan atau pertolongan keperluan asas (Asnarulkhadi, 2006 dalam Mohamad Zahir, 2016).

Bantuan yang di maksudkan adalah dari sudut bantuan kewangan. Menurut al-Kasani (t.t.), apa yang wajib daripada bantuan zakat pada hakikatnya ialah melegakan kedudukan fakir miskin kerana usaha melegakan mereka itu boleh dilakukan dengan membayar harga. Malah pembayaran seperti itu lebih berkesan dalam memenuhi keperluan mereka. Bahkan, mata wang lebih berkesan fungsinya dalam melegakan hidup seseorang pada hari ini (Mahmood Zuhdi, 2003).

Pihak Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memberikan bantuan sama ada bantuan kebajikan dan zakat ialah: Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, MUIB dan Jabatan Pembangunan Masyarakat di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sementara dari agensi Pertubuhan Bukan Kerajaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dana Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah untuk anak-anak yatim, serta pertubuhan-pertubuhan sukarela, institusi-institusi perbankan.

Menurut Portal Rasmi Jabatan kebajikan Masyarakat, Malaysia, perkhidmatan bantuan kewangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat disediakan kepada kumpulan sasar yang memerlukan supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna. Secara prinsipnya, di dalam melaksanakan pemberian bantuan kepada rakyat, Kerajaan Malaysia tidak sesekali mengamalkan konsep Negara Kebajikan (Welfare State). Skim bantuan yang diwujudkan adalah sebagai alat dalam proses menolong klien ke arah pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian, yang merupakan satu kaedah dalam kerja sosial. Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari. Fungsi yang hampir sama di laksanakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, di bawah Unit Bantuan Kebajikan

[‡‡‡‡‡‡‡‡‡‡‡] Taklimat Belanjawan. (t.th). ttps://www.mofe.gov.bn/Shared%20Documents/Treasury/Presentations%20Slides%20or%20Notes/Taklimat%20Belanjawan.pdf. Akses pada 8 March 2021.

Bulanan (BKB) dengan tujuan menggalakkan penerima untuk terus berusaha dan berdikari serta tidak bergantung pada bantuan sahaja. Dalam hal ini, para penerima hendaklah;

Melibatkan diri dalam bidang pekerjaan bagi yang sihat dari segi fizikal dan mental

Dibantu bagi meningkatkan tahap sosioekonomi para penerima melalui langkah-langkah intervensi ke atas diri penerima atau pun ahli keluarga

BKB adalah sebagai satu "token", tidak mengambil alih tugas dan tanggungjawab ahli keluarga dalam memberi nafkah.Siasatan ulangan terhadap penerima-penerima Bantuan Kebajikan Bulanan akan dibuat dari semasa ke semasa untuk memastikan sama ada mereka masih berkelayakan menerima atau pun sebaliknya (Jabatan Pembangunan Masyarakat, 2017).

Matlamat penubuhan Jabatan Pembangunan Masyarakat Brunei antaranya ialah meningkatkan sikap masyarakat yang sihat dari segi fizikal, mental dan kewangan dalam usaha untuk membina individu yang bertanggungjawab dan seterusnya mengalihkan beban kewangan yang dipikul oleh kerajaan ke bahu keluarga dan masyarakat di masa hadapan (Jabatan Pembangunan Masyarakat, 2017).

Dalam usaha tersebut, kerajaan Negara Brunei Darussalam sering menjalankan dan melaksanakan pendekatan yang penting untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat dengan menambah baik kualiti perkhidmatan-perkhidmatan dalam penjagaan kesihatan dan bantuan kebajikan. Dari aspek kebajikan, bantuan terus diberikan kepada golongan-golongan masyarakat tertentu seperti kurang bernasib baik, warga tua, dan orang kurang upaya melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan. Selain pihak Kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan seperti Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dana Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah untuk anak-anak yatim, Majlis Agama Islam Brunei (MUIB), pertubuhan-pertubuhan sukarela, institusi–institusi perbankan dan lain-lain juga aktif memberi sumbangan dalam aktiviti – aktiviti pembangunan masyarakat dah kepada mereka yang memerlukan bantuan (Gov.bn, 2020)

Sistem Kebajikan Negara atau pun singkatannya SKN yang baru diperkenalkan dan berkuat kuasa pada 15 Julai 2020 adalah merupakan satu platform untuk memudahkan orang awam yang memerlukan bantuan membuat permohonan Bantuan Kebajikan secara dalam talian. Pada peringkat permulaan hanya dua agensi Kerajaan yang terlibat dalam SKN ialah Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Agihan Wang Zakat Bagi Asnaf Fakir dan Miskin dari Majlis Agama Islam Brunei (MUIB).

Meskipun terdapat banyak skim agihan untuk Asnaf Fakir dan Miskin seperti; kewangan bulanan, kewangan Keperluan Asasi, Kewangan Persekolahan, Bayaran Rumah Sewa dan Pengajian Tinggi. Namun bagi fasa pertama ini, hanya Skim Agihan Kewangan Bulanan sahaja yang boleh dipohon kan melalui SKN. Sementara Skim Agihan yang lain boleh dipohon melalui manual seperti borang yang sedia ada. Permohonan adalah di boleh kan kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, khususnya juga mereka yang tergolong sebagai orang susah. Walau bagaimanapun, setiap permohonan akan dinilai kelayakannya oleh Jawatankuasa Menilai Bantuan Kebajikan Bulanan yang terdiri daripada pelbagai Kementerian Jabatan Kerajaan dan Agensi Swasta mengikut garis pandu yang diguna pakai. SKN juga boleh di peruntukan bagi mereka yang terjejas kerana situasi pandemik covid-19, namun bergantung pada siasatan lanjut dan analisis kelayakan. Bantuan BKB hanya di lakukan melalui Penghulu-Penghulu atau Ketua-Ketua Kampung buat masa sekarang dan segala pembayaran melalui Bank di tangguhkan buat sementara waktu (Sistem Kebajikan Negara, 2020).

Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) telah merumuskan golongan miskin sukar keluar daripada kepompong kemiskinan kerana kegagalan agensi kerajaan memainkan peranan secara berkesan bagi mengurangkan serta mengatasi masalah kemiskinan. Perkara yang sama dikhuatiri berlaku di Brunei kerana kadar penerima zakat dan bantuan semakin meningkat setiap tahun.

Meskipun, kadar kemiskinan di Brunei adalah tidak berada di tahap yang membimbangkan, namun pelbagai usaha-usaha telah dilaksanakan di antaranya meningkatkan tahap kehidupan seperti pendidikan, kesihatan, pembangunan infrastruktur yang semakin pesat, bekalan air yang mencukupi dan sebagainya. Beberapa bantuan juga disalurkan kepada mereka yang tergolong di dalam mereka yang memerlukan ini seperti bantuan keperluan asas, bantuan kebajikan, elaun pendidikan, elaun sara hidup, pencen tua dan sebagainya. Terdapat juga usaha untuk membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan iaitu dengan Skim Bantuan Kewangan Mikro sebanyak $3000 yang bertujuan bagi membolehkan rakyat di negara ini yang kurang berkemampuan untuk memulakan perniagaan mereka secara kecil-kecilan. Dilihat dari usaha-usaha kerajaan ini, boleh dikatakan di negara ini sangat beruntung kerana diberikan kelebihan-kelebihan yang sememangnya tidak ada di negara-negara luar (Pelita Brunei,

2016).

Menurut Dayangku Siti Saihalina binti Pengiran Haji Md Daud, Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan Masyrakat (JAPEM), Punca berlakunya masalah kewangan termasuk isu nafkah adalah disebabkan kewangan yang tidak mencukupi, suami yang tidak memberikan bantuan kewangan dari JAPEM ke pihak isteri dan anak-anak, suami tidak mempunyai kelayakan untuk mendapatkan kerja yang baik dan faktor paling utama adalah dari sudut mentaliti, yang mana mereka lebih suka memilih untuk mendapatkan bantuan kewangan dari pihak kerajaan berbanding mencari pekerjaan walaupun pekerjaan tersebut telah ditawarkan oleh JAPEM hasil Kerjasama dengan beberapa sektor swasta. Terdapat sesetengah daripadanya sanggup berhenti daripada pekerjaan tanpa memaklumkan kepada pihak JAPEM terlebih dahulu dengan pelbagai alasan antaranya tidak mempunyai kenderaan, sibuk menjaga anak-anak dan gaji yang ditawarkan rendah. Dapat disimpulkan dari kenyataan beliau, masalah culas memberi nafkah ini adalah berpunca dari sikap suami yang tidak bertanggungjawab, tidak jujur serta tidak amanah.[§§§§§§§§§§§§]

Salah satu kajian yang dilakukan mendapati bahawa salah satu punca kemiskinan adalah hutang. Hutang adalah punca kenapa masyarakat di negara ini tidak mempunyai perbelanjaan yang cukup. Majoriti menyatakan bahawa keinginan untuk memiliki sesuatu meskipun ia di luar kemampuan mereka. Mereka ingin menjadi 'seperti' orang lain yang memiliki telefon bimbit yang mahal harganya, memiliki wajah yang cantik, memiliki kereta yang mewah dan banyak lagi. Sebahagian masyarakat di negara ini sanggup berhutang setiap bulan hanya untuk kepuasan hati.

Jika berhutang kerana keperluan, mungkin ia boleh diterima. Persepsi sebahagian masyarakat ini perlu diubah kerana ia bukan sahaja satu tabiat yang buruk malah ia jua bakal menjadi penyebab kemusnahan 'hidup' mereka. Dapat dirumuskan bahawa 'kemiskinan' adalah berpunca dari 'minda' yang tidak boleh dikawal.

Namun begitu, tidak dapat dinafikan masih ada juga masyarakat di negara ini yang mengalami kemiskinan yang sebenar iaitu tidak mempunyai pendapatan bulanan yang mencukupi kerana sudah tua, mempunyai penyakit yang tidak membolehkan mereka bekerja, orang tua yang mempunyai anak yang sudah mempunyai tanggungan masing-masing dan sebagainya (Pelita Brunei, 2016).

Agihan-agihan yang diberikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei secara umumnya merangkumi tiga objektif, iaitu:

Keselamatan Sosial;
Pembangunan Ekonomi; dan
Pembangunan Insan

Agihan atau bantuan-bantuan yang diberikan oleh Majlis Ugama Islam adalah berbentuk Makanan Asasi; Wang Tunai Bulanan; Modal Berusaha atau membeli Peralatan Perniagaan; Bencana Alam atau Kecemasan (serta-merta); Bantuan Hari Raya dan Bantuan Akhir Tahun Masihi (untuk perbelanjaan persekolahan); Perbelanjaan Menunaikan Fardu Haji bagi Mualaf; Bantuan Rawatan Perubatan dan Tambang Penerbangan; Bantuan kursus-kursus Bimbingan Mualaf; Pakaian Seragam dan Peralatan Sekolah; Bantuan kepada Musafir yang mengalami masalah belanja atau putus kewangan; Bantuan membina atau membaiki atau menyiapkan rumah dan membayarkan sewa rumah dan Bantuan kepada al-Gharimin (orang yang berhutang).

Sememangnya agihan wang zakat sedikit sebanyak berupaya mengurangkan bebanan hidup yang ditanggung oleh asnaf-asnaf. Walaupun agihan itu tidak menjadikan mereka khasnya fakir miskin berubah menjadi kaya raya, tapi dikirakan cukup untuk menampung belanja hidup mereka seharian kerana zakat adalah pemangkin untuk meningkatkan kualiti diri bukan untuk bergantung selamanya kepada zakat melainkan bagi golongan daif dan uzur kerana usia lanjut atau penyakit yang sukar sembuh dan sebab-sebab yang digariskan oleh agama (Pelita Brunei, 2015).

Meskipun bantuan kebajikan dan bantuan zakat hampir serupa, namun terdapat perbezaan antara keduanya. Antaranya ialah;

Zakat adalah mengeluarkan harta tertentu dengan kadar tertentu mengikut syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu. Manakala sumbangan atau bantuan kebajikan ialah apa-apa yang disalurkan untuk tujuan bantuan atau sebagai sokongan, pertolongan kepada mereka yang memerlukan.

---

[§§§§§§§§§§§§] Dayangku Siti Saihalina binti Pengiran Haji Md Daud, deputy director of Community Development Department (JAPEM), 18/1/2017, 3pm.

Dari sudut hukum, zakat adalah fardu ain ke atas setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syarat wajib dan akan mengakibatkan murtad jika mengingkarinya. Manakala sumbangan adalah tiada tetapan nilai yang tertentu dan boleh diberikan kepada mereka memerlukan untuk tujuan yang tidak menyalahi syariat Islam (Lembaga Zakat Selangor, 2020).

Sumber bantuan kebajikan adalah dari pendapatan kerajaan sementara sumber zakat adalah sumbangan wajib dari orang ramai.

Tujuan bantuan kebajikan adalah di peruntukan bagi membantu mereka yang tersenarai dalam kategori yang susah atau di timpa bencana tanpa mengira Islam atau bukan Islam sedangkan penerima zakat adalah terbatas bagi orang Islam seperti mana yang telah di tetapkan dalam al-Quran sebanyak 8 golongan yang termasuk juga dalam senarai orang susah tapi dalam keadaan tertentu.

Zakat adalah berdasarkan kepada Hak sedangkan bantuan kebajikan berdasarkan kepada pertolongan biasa. Seperti mana yang diungkapkan oleh Rahman (2003) bahawa pembayaran zakat oleh golongan kaya kepada golongan miskin bukan di kira sebagai satu *favour* atau pemberian sedekah yang dilakukan oleh orang kaya tetapi lebih tepat lagi adalah hak orang miskin.

Tidak semua yang layak menerima bantuan kebajikan adalah berhak untuk menerima zakat namun sebaliknya semua penerima zakat layak untuk menerima bantuan kebajikan.

Hikmah disyariatkan zakat antara lain untuk membersihkan diri dan harta pembayar zakat sedangkan hikmah menginfakkan harta di jalan Allah SWT adalah pendekatan Al-Quran bagi memanfaatkan harta dan mendidik hati orang mukmin agar dapat membina kehidupan atas perasaan tanggungjawab kepada orang lain. Bahkan Allah SWT mengingatkan bahawa apa yang di sumbangkan itu bukan milik peribadi malah ia adalah rezeki kurniaan Allah SWT untuk dibahagikan kepada orang lain. Meskipun dalam zakat dan sumbangan atau bantuan itu mempunyai hikmah yang sama iaitu mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah swt (Lembaga Zakat Selangor, 2020).

Hak dari sudut bahasa bererti lawan batil, wajib, yakin dan dikhususkan (Al-Farahidi,t.t). Menurut al-Harawi (2001) hak adalah sesuatu yang wajib, diwajibkan oleh Allah swt. Hak dari sudut istilah bermaksud pengkhususan yang di akui oleh syarak dalam bentuk kuasa (*sultah*) atau *taklif*. Kuasa atas seseorang seperti hak hadanah, penjagaan harta dan pemilikan harta. *Taklif* iaitu ditetapkan ke atas seseorang seperti menunaikan hutang. Hak dalam Islam adalah bersumberkan Allah (Al-Zuhaili, t.t).

## 6. Kaedah Pensampelan & Analisis Data

Dua kaedah diguna pakai dalam kajian ini bagi mendapatkan data iaitu melalui edaran soal selidik dan temu bual. Pensampelan bertujuan secara rawak dilakukan ke atas 284 orang responden yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan merupakan golongan fakir dan miskin yang tinggal di semua daerah yang terdapat di Brunei Darussalam. Majoriti responden adalah terdiri daripada senarai penerima zakat yang berulang-ulang dari Majlis Agama Islam Brunei. Borang soal selidik kajian ini terbahagi kepada 3 bahagian. Bahagian A: Latar Belakang Responden, Bahagian B: Pengetahuan dan Pemahaman Bahagian C: Soalan-soalan mengenai persepsi dan sikap responden terhadap kemiskinan, zakat serta kesannya. Data yang diperoleh melalui soal selidik di analisis mengikut turutan soalan secara kuantitatif yang mana setiap item menjawab setiap persoalan kajian. Dapatan ini kemudiannya di susun, diringkaskan Perisian Statistical Packages for The Social Sciences (SPSS) versi 23 telah digunakan untuk mempersembahkan hasil dapatan.

## 7. Hasil Kajian

Majoriti responden adalah berjantina lelaki berumur dalam lingkungan 40 hingga 59 tahun yang merangkumi 66 peratus dari keseluruhan responden. Diikuti pula responden berumur 60 hingga 69 tahun dengan 14.1 peratus berbanding umur lingkungan 30 hingga 39 tahun dan 70-79 tahun yang hampir sama peratus nya iaitu 22 dan 26 peratus. Penerima zakat yang paling ramai di terima adalah yang berada di Brunei Muara iaitu sebanyak 100 orang (35.2%) dan penerima zakat yang mewakili daerah Temburong adalah kuantiti yang paling sedikit iaitu seramai 21 penerima (7.4%) sesuai dengan jumlah keramaian penduduknya iaitu 11,400 orang mewakili 2.5 peratus penduduk Brunei.

Sebagai ketua keluarga, jumlah tertinggi penerima zakat dari golongan lelaki sebanyak 189 orang dan majoritinya datang dari Daerah Brunei Muara yang merupakan daerah yang paling kecil. Sebagai sebuah pusat bandar yang menjadi tumpuan meskipun yang paling kecil keluasannya namun mempunyai penduduk yang paling ramai sebanyak 319,500 iaitu 69.5 peratus dari jumlah penduduk Brunei. Sementara jumlah yang tertinggi dari golongan penerima zakat dalam kalangan perempuan pula datang dari Daerah Belait iaitu seramai 44 orang iaitu daerah yang paling besar di Brunei dengan keramaian penduduk adalah 16.5 peratus. Mengikut Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2019, majoriti penduduk Brunei adalah lelaki iaitu 53.2 peratus dan selebihnya adalah perempuan.[*************]

Dari aspek pendidikan pula, responden yang tahap pendidikan rendah, atau tiada mendapat pendidikan formal adalah paling tinggi dan ramai dalam kalangan penerima zakat iaitu sebanyak 151 orang (53.2 %), diikuti dengan peringkat O level sebanyak 64 responden (22.5%) berbanding dengan jumlah paling rendah iaitu responden yang memperoleh pendidikan pada tahap sarjana muda iaitu sebanyak 1 orang (0.4%).

Dari jumlah pemohon zakat yang tidak mempunyai pekerjaan, antara alasan yang diberikan adalah antaranya disebabkan termasuk dalam kategori orang kurang upaya, sakit, bersara, tiada pekerjaan yang sesuai dan tiada pendapatan tetap. Dari semua faktor tersebut, mereka yang tidak bekerja disebabkan oleh tiada memperoleh pendapatan tetap adalah jumlah tertinggi iaitu seramai 80 responden (59.3%), diikuti dengan tidak memperoleh pekerjaan yang sesuai sebanyak 73 responden (54.1%). Sementara responden yang tidak bekerja disebabkan telah bersara iaitu 31 responden (23%). Dan jatuh pada posisi keempat ialah faktor sakit dan uzur sebanyak 53 orang (19.2%). Hanya 6 responden (4.4%) iaitu jumlah paling kecil adalah tersenarai di bawah kategori orang kurang upaya.

Berdasarkan kepada fakta di atas, sebanyak 172 responden (60.6%) mempunyai pendapat kurang daripada $500 sebulan manakala sebanyak 53 responden (18.7%) berpendapatan $501 hingga $1,000 sebulan. Dari aspek tanggungan, kajian ini mendapati bahawa majoriti responden mempunyai tanggungan 3 hingga 7 orang iaitu 185 (65.1%) berbanding dengan tanggungan yang kurang dari 3 orang iaitu 48 (16.9%). Manakala tanggungan yang melebihi 8 hingga 10 orang adalah sebanyak 22 responden (7.7%). Tanggungan ini adalah termasuk isteri-isteri, anak, anak buah, cucu dan piut.

Bantuan kebajikan dan bantuan zakat adalah dua kategori yang berbeza. Namun apabila diajukan persoalan ini kepada responden, majoritinya menganggap kedua-duanya adalah sama iaitu seramai 117 responden (41.9%) sedangkan mereka yang beranggapan bahawa kedua bentuk bantuan adalah tidak serupa hanya sebanyak 84 orang (30.1%). Hanya 78 responden (28%) kurang pasti mengenainya. Lebih dari separuh jumlah keseluruhan responden iaitu 160 orang (58%) mengakui bahawa bantuan kebajikan datang dari Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolikah. Sementara 100 responden (36.2%) menyatakan tidak pasti dan hanya bilangan kecil sahaja iaitu 16 orang (5.8%) menyatakan sebaliknya. Meskipun demikian, hampir 92.5% iaitu 259 responden mengetahui dengan jelas bahawa zakat merupakan bantuan dari pihak Majlis Agama Islam. Manakala 7.1% iaitu 20 penerima menyatakan kurang pasti dan hanya 1 orang iaitu 0.4% menyatakan sebaliknya.

Dapatan yang sama juga terhasil apabila di ajukan soalan mengenai dari mana datangnya sumber zakat adakah terhasil pembayaran zakat individu atau dari zakat syarikat @ swasta atau dari hasil pendapatan Kerajaan. Majoriti responden menyatakan bahawa zakat datangnya dari sumber zakat individu sebanyak 182 orang (64.8%), di ikuti dengan pengakuan tidak pasti seramai 94 responden (33.5%) dan hanya 5 responden (1.8%) tidak mengetahuinya. Sementara bagi persoalan adakah zakat datangnya dari hasil zakat syarikat atau swasta, majoriti nya menyatakan tidak pasti iaitu 125 responden (44.5%), diikuti dengan mereka yang memperakuinya seramai 120 orang (42.7%) dan seramai 36 responden (12.8%) menafikannya. Sejajar dengan hasil dapatan di atas sebelum ini, majoriti responden menyatakan sumber zakat adalah berasal daripada hasil pendapatan Kerajaan iaitu sebanyak 149 responden (53%), sementara 111 responden (39.5%) menyatakan tidak pasti dan hanya 21 responden (7.5%) mengetahui sebenarnya dari mana sumber zakat yang sebenar.

Jadual 1. 3 Perspektif responden berkaitan dengan sumber zakat dan bantuan kebajikan.

| Responden | Ya | Kurang Pasti | Tidak |
|---|---|---|---|
| **Bantuan kebajikan & Zakat adalah sama** | 117 (41.9%) | 78 (28%) | 84 (30.1%) |

